



KENYATAAN MEDIA

YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II SELAKU Pengerusi BERSAMA Jawatankuasa Pandu HAL EHWAL RENTAS SEMPADAN

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddin Sa`adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan merujuk kepada kenyataan media yang dikeluarkan pada 30 September 2020, sukacita Jabatan Perdana Menteri memaklumkan beberapa pengemaskinian seperti berikut:

1. Warganegara asing yang memasuki Negara ini melalui pos-pos kawalan (jalan darat) adalah dikehendaki untuk **menjalani ujian makmal SARS-COV2 RT-PCR sebelum memasuki negara ini**. Salinan keputusan ujian tersebut hendaklah dihadapkan kepada pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di pos kawalan masuk. Keputusan ujian yang negatif boleh digunakan dalam **tempoh 14 hari daripada tarikh ujian dijalani**. Syarat ini adalah dikenakan bagi kemasukan **warganegara asing untuk tujuan transit, komuter dan kenderaan-kenderaan komersial (Transport Operators) sahaja iaitu bagi setiap pemandu dan penumpang**. Walau bagaimanapun, warganegara asing yang mendapat kebenaran perjalanan masuk melalui Entry Travel Pass (ETP) masih diperlukan untuk menunjukkan sijil keputusan SARS-COV2 RT PCR yang telah dijalani dalam tempoh 72 jam sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam.



2. Pihak Kementerian Kesihatan juga akan menjalankan ujian saringan SARS-COV2 di kalangan pemandu serta penumpang kenderaan-kenderaan komersial (Transport Operators) dari luar negara yang memasuki Negara ini melalui pos-pos kawalan darat secara rambang.

3. Perjalanan masuk bagi **kenderaan-kenderaan komersial dari luar negara yang dijamin oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan** melalui pos-pos kawalan darat adalah **dihadkan kepada tiga kali sahaja** iaitu setiap **hari Selasa, Khamis dan Sabtu**.

4. Pengemaskinian syarat yang telah dinyatakan di atas adalah sah bagi perjalanan masuk mulai **hari Isnin, 05 Oktober 2020**.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri

Bandar Seri Begawan BB3913

Negara Brunei Darussalam

16 Safar 1442 / 04 Oktober 2020